

'Laudato Si' kedua akan jadi nasihat apostolik

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus mengesahkan bahawa beliau berencana menerbitkan "Laudato Si' kedua" pada Oktober 4, yang diharapkan dapat memperbaharui dan memperluas ensikliknya yang diterbitkan tahun 2015 tentang alam ciptaan.

Semasa berbicara kepada umat awam di Paulus VI pada Ogos 30, Sri Paus menggunakan Hari Doa Sedunia pada September 1 tentang Pemeliharaan Ciptaan, awal Musim Penciptaan, sebuah musim doa ekumenis selama sebulan dan tindakan untuk mempromosikan prinsip-prinsip ekologi. Musim Penciptaan berakhir pada Oktober 4, sempena Pesta Santo Fransiskus Assisi.

Bapa Suci mengatakan, ensiklik baharu ini akan memperkaya *Laudato Si'* dan akan menyoroti isu-isu alam ciptaan Tuhan terkini.

Direktor Jabatan Akhbar Takhta Suci, Matteo Bruni, mengesahkan kepada CNA pada Ogos 21 bahawa Sri Paus sedang mengerjakan surat apostolik yang akan semakin menguatkan pesan *Laudato Si'*, sehubungan dengan krisis alam ciptaan.

Bapa Suci kemudian memperbaharui maklumat tentang ensiklik itu semasa pertemuan dengan para peguam dari negara-negara Eropah yang menandatangani Deklarasi Wina pada tahun 1993 yang memperjuangkan hak-hak asasi manusia.

Sri Paus Fransiskus juga peka terhadap kepedulian para peguam itu yang komited melindungi planet kita bersama dan komited terhadap perkembangan dan pembuatan kerangka peraturan untuk perlindungan alam.

"Kita tidak boleh lupa bahawa generasi muda berhak menerima dunia yang indah dan layak dihuni daripada kita dan ini memberi kita tugas besar terhadap ciptaan yang kita terima daripada tangan Tuhan yang murah hati," kata Sri Paus.

Laudato Si' adalah ensiklik kedua dari tiga ensiklik



yang diterbitkan pada masa kepausan Sri Paus Fransiskus setakat ini. Judulnya, yang bererti "Terpujilah Engkau," diambil dari doa Santo Fransiskus dari Assisi "Kidung Matahari," yang memuji Tuhan melalui unsur-unsur ciptaan seperti, Saudara Matahari, Saudara Bulan, dan "Saudara Ibu Bumi".


Sebagai penutup audiensi minggunya, Sri Paus meminta umat Katolik untuk bergabung dengan "saudara dan saudari umat Kristian kita dalam komitmen untuk merawat ciptaan sebagai anugerah suci Sang Pencipta."

"Penting untuk memihak para korban ketidakadilan alam

Sebuah Sekolah Katolik Sains Kesihatan di Shisong, Cameroon memupuk para muridnya untuk mencintai alam menurut *Laudato Si'*. Gambar: Media Vatikan.

sekitar dan iklim, berjuang untuk mengakhiri peperangan yang tidak masuk akal terhadap planet kita bersama," katanya.

Sempena Musim Penciptaan, Sri Paus meminta para pemimpin dunia untuk hadir dalam pertemuan kemuncak iklim PBB di Dubai pada November 30 hingga Disember 12 untuk "melakukan transisi yang cepat dan adil bagi mengakhiri era bahan bakar fosil." — *CNA/media Vatikan*



Intensi Sri Paus untuk bulan September: Seruan peduli kepada mereka yang dipinggirkan oleh masyarakat.

Intensi Bapa Suci September: Fokus untuk orang-orang terpinggir

ROMA: Intensi doa Sri Paus Fransiskus untuk bulan September adalah untuk orang-orang yang terpinggir.

"Orang gelandangan yang mati di jalanan tidak akan pernah muncul di kalangan cerita atau pencarian teratas enjin carian dan siaran berita," kata Sri Paus dalam video yang dikeluarkan pada Ogos 29.

Bapa Suci bertanya: "Bagaimana kita boleh mencapai tahap ketidakpedulian ini?"

Dia terus bertanya bagaimana kita sebagai masyarakat telah membenarkan "budaya buang" menguasai kehidupan kita, bandar kita, cara hidup kita?"

Bapa Suci menggesa umat beriman untuk "berhenti membuat golongan ini seperti tidak wujud. Disebabkan oleh kemiskinan, ketagihan, penyakit mental, atau ketidakupayaan mereka diabaikan dan kita mengalihkan pandangan daripada mereka."

"Mari kita fokus untuk menerima mereka, mengalu-alukan semua orang yang memerlukannya," katanya.

Sebagai sahutan dan tindak balas kepada sikap acuh tak acuh itu, Bapa Suci menggesa umat beriman untuk memupuk budaya menyambut, menyediakan tempat tinggal, memberi rumah, menawarkan kasih sayang, memberi kehangatan manusia."

Dia mengakhiri dengan doa: "Mari kita berdoa untuk orang-orang yang dipinggirkan masyarakat dan hidup dalam keadaan tidak manusiawi, agar mereka tidak diabaikan oleh institusi dan tidak pernah dibuang."

Menurut PBB, lebih 10 peratus daripada populasi global, atau 700 juta orang, hidup dalam kemiskinan tegar.

1.6 bilion orang lagi tinggal dalam keadaan hidup yang tidak mencukupi, walaupun di negara maju. — *media Vatikan/CNA*

Berputus asa terhadap ketakutan

Seorang rakan saya berkongsi cerita ini. Dia merupakan anak tunggal.

Ketika berusia lewat dua puluhan, masih bujang, membina kerjaya yang berjaya dan tinggal di bandar yang sama dengan ibu dan bapanya, bapanya meninggal dunia, meninggalkan ibunya balu. Ibunya, yang telah menumpukan seluruh tenaga dan fikirannya pada keluarga dan anak, selepas kematian si bapa, membawa kesan kesedihan dan kekecewaan sangat mendalam pada si ibu.

Si ibu merasakan dunianya musnah setelah kehilangan suaminya, meskipun mempunyai anak lelakinya.

Tahun-tahun berikutnya tidak mudah bagi anaknya. Ibunya telah kehilangan banyak keceriaan dan sebagai anak lelaki, dia merasakan tanggungjawab yang berat untuk menjaga dan menemani ibunya.

Hari kelepasan dan percutian, dihabiskan untuk bersama dengan si ibu.

Walaupun dia sangat menyayangi ibunya, tetapi ia adalah beban yang menghalangnya daripada mempunyai kehidupan sosial dan kebebasan perhubungan yang dia dambakan, dan tanggungjawab itu juga menghalangnya daripada membuat beberapa keputusan kerjaya yang sepatutnya.

Dia terpaksa menjaga ibunya, berada di sana untuknya. Seperti yang boleh diagak, masa mereka

bersama kadangkala menjadi ujian kesetiaan dan kewajipan untuk anak lelaki itu. Tetapi dia melakukannya dengan setia, tahun demi tahun. Tiada orang lain yang boleh diharapkannya untuk menjaga ibunya.

Apabila kesihatan ibunya mula merosot, si ibu menjual rumahnya dan berpindah ke kompleks Warga Emas.

Selalunya pada hari cuti dia akan menjemput ibunya, membawanya memandu di kawasan-kawasan luar bandar dan kemudian membawanya makan malam sebelum menghantar ibunya kembali ke pangsapuri mini.

Pada suatu hari dalam perjalanan seperti itu, memandu di sepanjang jalan desa dalam diam, ibunya memecah kesunyian dengan kata-kata yang mengejutkannya dan, buat pertama kali, dalam masa yang lama, mendapat perhatian penuh.

Si ibu berkongsi kata-kata yang menyentuh hatinya: *Sesuatu yang besar telah berlaku dalam hidup saya.*

Saya telah berputus asa dan diselubungi ketakutan. Sepanjang hidup saya, saya takut akan segala-galanya — tidak yakin dengan diri sendiri, berasa tidak cukup baik, membosankan, dikecualikan, bersendirian, berakhir bersendirian, berakhir tanpa wang atau tempat tinggal, saya risau jika orang bercakap tentang saya di belakang saya.

Saya takut dengan bayang-bay-



ang saya sendiri. Nah, saya telah menyerah pada ketakutan. Mengapa tidak? Saya telah kehilangan segala-galanya — suami saya, tempat saya dalam masyarakat, rumah saya, penampilan fizikal saya, kesihatan saya, gigi saya, dan maruah saya.

Saya tidak kehilangan apa-apa lagi, dan adakah anda tahu sesuatu? Ia bagus! Saya tidak takut apa-apa lagi. Saya berasa bebas dengan cara yang saya tidak pernah rasa sebelum ini. Saya telah berputus asa dengan ketakutan.

Buat pertama kali sejak sekian lama, rakan saya itu mula mendengar dengan teliti apa yang diperkatakan oleh ibunya.

Dia juga merasakan sesuatu yang baharu dalam dirinya, kekuatan baharu dan kebijaksanaan yang lebih mendalam dan mahu menyelami lebih banyak

lagi kebijaksanaan.

Pada hari berikutnya dia membawanya memandu, dia berkata kepadanya: Ibu, ajar saya itu. Ajar saya bagaimana untuk tidak takut. Ibunya hidup selama dua tahun selepas berpindah ke kompleks warga emas.

Dan sepanjang dua tahun, si anak tetap membawanya bersiar-siar di luar kota, makan tengah hari, makan malam bersama ibunya.

Dan si anak mendapat sesuatu daripada pengalaman itu, kekuatan baharu dalam dirinya, yang dia tidak fahami dan sedari sebelum ini.

Akhirnya, apabila si ibu meninggal dunia dan dia kehilangan kehadiran fizikal ibunya di dunia, dia hanya dapat menggambarkan perkara-perkara yang telah diberikan oleh ibunya pada tahun-tahun terakhir itu dengan menggunakan istilah alkitabiah: "Ibu saya melahirkan saya dua kali, sekali dari bumi dan sekali dari syurga."

Tidak mudah untuk berputus asa terhadap ketakutan, atau mengajjar orang lain bagaimana melakukannya.

Ketakutan begitu mencengkam kita kerana dalam kebanyakan kehidupan kita sebenarnya banyak kerugian.

Jadi, boleh difahami, untuk tidak hidup dengan banyak ketakutan dalam sebahagian besar hidup kita adalah sukar.

Lebih-lebih lagi, ini bukan soal menjadi matang atau tidak

matang, rohani atau duniawi. Sesungguhnya, kadang-kadang semakin matang dan rohani kita mantap, semakin kita menghargai nilai kehidupan, kesihatan, keluarga, persahabatan, masyarakat — semuanya mempunyai kerapuhan sendiri dan kita boleh kehilangan semuanya sekaligus.

Memang ada sebab yang baik untuk takut. Bukan kebetulan bahawa ibu rakan saya ini dapat bergerak melampaui ketakutan.

Dia menjadi berani selepas dia kehilangan kebanyakan segala-galanya dalam hidup.

Tuhan dan alam semula jadi mengenalinya dan telah menuliskannya ke dalam proses penuaan.

Proses penuaan membawa kita berada di tempat atau tahap di mana kita boleh berputus asa terhadap ketakutan kerana apabila kita semakin tua dan semakin kehilangan kesihatan kita, kepentingan kita di dunia, daya tarikan fizikal kita, orang yang kita sayangi hingga mati, dan maruah kita... sudah berkurangan dan senang untuk mengalah — dan hari demi hari, perasaan takut itu semakin berkurangan.

Ini adalah salah satu hadiah terakhir semula jadi kepada kita, dan hidup dalam cara ini agar orang lain dapat melihat kebebasan baharu ini dalam diri kita juga boleh menjadi salah satu hadiah hebat terakhir yang kita tinggalkan kepada orang yang kita sayangi. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Terima teguran, berusaha memperbaiki diri

Budaya berhutang merupakan gaya hidup masa kini. Belia kita yang masih belajar pun sudah didedahkan hal ini dengan berhutang pada PTPTN untuk membiayai pendidikan mereka.

Apabila mereka mula bekerja pula, mereka diberikan keutamaan membuat pinjaman daripada bank untuk membeli kereta, rumah dan apa sahaja yang mereka perlukan. Kemudian mereka diberikan kemudahan membayar apa sahaja keperluan harian mereka secara kredit dengan menggunakan kad kredit pula. Maka tidak hairanlah istilah 'hutang keliling pinggang' sudah menjadi bualan harian di rumah, di pejabat malah di tamu, pasar malam dan di perkampungan.

Kegemilangan hujung bulan yang menggembirakan itu kerana menghitung pendapatan bersih yang masuk ke dalam dompet peribadi kemudian sebahagian daripadanya dimasukkan ke dalam ASB atau dilaburkan pada badan-badan pelaburan yang disahkan oleh kerajaan, kini berubah menjadi keresahan dan kesengsaraan kerana terpaksa berpisah dengan hasil titik peluh sebulan bekerja hanya untuk membayar hutang yang mengelilingi pinggang itu.

"Jangan berhutang sesuatu,

kepada siapa pun, kecuali cinta kasih." Demikianlah nasihat St. Paulus di dalam bacaan kedua hari ini yang cukup merunsingkan fikiran kita terutama bagi mereka yang merasa selesa hidup berhutang. Menurut Paulus, hidup kita sentiasa berhutang dengan sesama kita dan harus dibayar dengan segera.

Tetapi hutang yang dimaksudkannya bukanlah hutang yang biasa kita bayar pada setiap hujung bulan itu. Hutang cinta kasih sememangnya tidak mudah. Ia berlawanan dengan hutang yang harus kita bayar pada setiap hujung bulan. Hutang cinta kasih tidak pernah menjanjikan bahawa kita boleh menikmati kehidupan sekarang yang selesa dan membayarnya kemudian.

Hutang cinta kasih memperingatkan kita bahawa kita menuai apa yang telah kita tanam. Banyak yang kita tanam maka banyaklah yang kita tuai. Apa yang kita buat hari ini terhadap sesama akan membentuk suatu asas akan apa yang terjadi dengan diri kita dan sesama kita.

Namun kita semua mengalami bahawa hubungan di antara sesama kita tidak pernah bebas daripada perselisihan faham, kesilapan atau disakiti. Maka dengan demikian kita tidak pernah bebas

daripada 'berhutang' untuk tetap mengasihi sesama kita walau apa pun keadaan yang kita hadapi.

Hampir semua orang mempunyai akaun bank simpanan tunai. Jika kita sering kali memasukkan wang, maka semakin banyaklah jumlah wang kita di dalam bank tersebut dan banyaklah juga bunga wang yang kita peroleh. Pemilik bank pun semakin bergembira dengan keyakinan kita menyimpan wang dengan mereka.

Menurut Stephen R. Covey di dalam bukunya *The 7 Habits Of Highly Effective People*, kita sebenarnya mempunyai satu lagi akaun bank yang disebut sebagai akaun bank emosi yang kita buka pada setiap sesama yang kita temui.

Akaun jenis ini memang sangat rapuh dan mudah terjejas disebabkan oleh sikap kita yang pelbagai. Namun pada masa yang sama ia boleh dipulihkan walaupun memakan masa yang lama.

Jika sikap kita kasar, tidak sabar, pamarah, maka akaun bank emosi kita di dalam diri yang berkenaan itu, misalnya pasangan kita akan berkurangan. Apabila sikap ini diteruskan, maka akaun simpanan kita merosot atau habis sama sekali sehingga pasangan kita merasa kecewa

HARI MINGGU BIASA KE-23 TAHUN A EZRA 33:7-9; ROMA 13:8-10; INJIL MATIUS 18:15-20

dan tidak percaya lagi kepada kita.

Namun apabila kita menyedari kesilapan-kesilapan kita ini, kita boleh memperbaikinya dengan membuat kebaikan-kebaikan sedikit demi sedikit, hari demi hari, sehingga akaun bank emosi yang dimiliki oleh pasangan kita itu 'diisikan' semula semaksimum mungkin.

Kita sebenarnya boleh mendeponitkan secara sedikit demi sedikit dalam bentuk kesabaran, kebaikan hati, pengorbanan, kesetiaan, memohon maaf dengan ikhlas dan segala bentuk sikap kita yang tidak baik di masa lalu.

Dengan demikian maka perasaan kasih atau lebih baik lagi, hutang cinta kasih kita terhadap sesama dibayar tepat pada waktunya sehingga perasaan kasih tidak terjejas malah semakin diperkukuhkan lagi.

Seperti bank pada umumnya selalu memberi kita surat peringatan bahawa hutang kita belum

dilunaskan, maka dalam hal ini kita perlu ada budaya saling menegur, saling mengingatkan dan saling memberi nasihat.

Cinta kasih yang sebenar adalah berani menegur dan mempertahankan apa yang menurut suara hati kita adalah benar dan demi kebaikan bersama.

Kita bukanlah ibu bapa yang baik jika kita membiarkan anak-anak kita melakukan perkara-perkara yang memudaratkan diri mereka. Kita bukanlah pasangan suami isteri yang baik jika kita kurang atau tidak berkomunikasi dan tidak saling menjaga kebajikan lahir dan batin pasangan kita.

Bagaimanapun dengan sikap kita yang penuh kasih dan mahu berhadapan untuk mencadangkan seseorang yang bersalah untuk mempertimbangkan sikapnya yang negatif itu, sudah mencukupi mempengaruhi orang tersebut secara halus untuk menjadi seorang peribadi yang lebih baik. — *santapan rohani*

Mahabbah - Fratelli Tutti

promosi semangat persahabatan

PULAU PINANG: Ketua-ketua agama Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Keuskupan Pulau Pinang mengadakan jamuan tengah hari bersama untuk memajukan cita-cita *Mahabbah* — *Fratelli Tutti* yang mempromosi semangat persahabatan persaudaraan dan persefahaman bersama pada Ogos 16.

Delegasi itu diketuai oleh YB Datuk Idris Ahmad, naib presiden PAS dan bekas menteri di jabatan Perdana Menteri dan Calon Kardinal Sebastian Francis.

Tuan Haji Abdul Rahman, selaku penganjur, mengucapkan tahniah kepada bakal kardinal yang terpilih untuk dilantik ke jabatan Kardinal.

YB Tuan Hj. Amir Hamzah, yang dipilih sebagai ADUN Permatang Pasir, Pulau Pinang pada pilihan raya negeri baru-baru ini mengakui Malaysia boleh mempunyai Sri Paus dalam diri calon Kardinal Sebastian.

Datuk Idris Ahmad berkata bahawa Al-Quran menyatakan bahawa kita diciptakan dalam pelbagai bangsa dan suku agar kita dapat mengenali antara satu sama lain.

Oleh itu, pertemuan itu amat penting untuk mengenali dan memahami antara satu sama lain.

Calon Kardinal Sebastian, dalam ucapan pembukaannya, berkata *Mahabbah* yang bermaksud kasih sayang, kebaikan dan persahabatan, menjelaskan cita-cita yang sama tentang persaudaraan manusia seperti yang dinyatakan dalam surat ensiklik Sri Paus Fransiskus, *Fratelli Tutti*.

Ketua Keuskupan Pulau Pinang itu menyatakan bahawa iman membawa semua orang percaya untuk melihat dalam diri orang lain sebagai saudara lelaki atau perempuan untuk disokong, disayangi dan dilindungi.

Beliau percaya bahawa pemimpin PAS adalah, pertama sekali, pemimpin agama, diikuti dengan peranan politik mereka. Oleh itu sebagai pemimpin kerohanian mereka akan menyediakan kepimpinan kerohanian dan akhlak mulia untuk menyemarakkan keharmonian di kalangan rakyat.

Pada Feb 4, 2019, Sri Paus Fransiskus dan



Bakal Kardinal Sebastian Francis bersama YB Datuk Idris Ahmad.

Sheikh Ahmad Al-Tayyeb, Imam Besar Universiti Al-Azhar, menandatangani Dokumen Persaudaraan Manusia — Untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama. Dokumen itu mengajak semua orang yang beriman kepada Tuhan dan percaya kepada persaudaraan manusia untuk bersatu dan bekerja bersama.

Al-Azhar dan Gereja Katolik meminta dokumen ini menjadi objek renungan dan pembentukan untuk membawa kebaikan dan keamanan kepada orang lain.

Bakal Kardinal juga memaklumkan perwakilan bahawa Keuskupan Pulau Pinang pada Mei 13, 2022, telah bertemu dengan Ustaz Nasrudin Hassan, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, YADIM, di Georgetown.

Prihatin dengan jurang hubungannya belia Islam dan Kristian, terdapat persetujuan untuk aktiviti bersama bagi membina persahabatan dan kebersamaan.

Pada Ogos 5, 2022, satu perjumpaan *Mahabbah* bersama Mursidul Am Pas, Dato' Tuan Guru Haji Hashim telah diadakan di Kangar, bertemakan "Bersama Kita Menyuburkan Ke-

hidupan yang Aman dan Tenang." Semua ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang lebih baik antara satu sama lain.

Kemudian pada Okt 4, 2020, sempena pesta Sto Fransiskus dari Assisi, surat ensiklik Bapa Suci, *Fratelli Tutti* telah dikeluarkan.

Fratelli Tutti bermaksud "semua saudara dan saudari" dan dipetik daripada Nasihat Sto Fransiskus dari Assisi.

Bakal Kardinal Sebastian mengakhiri ucapannya dengan pepatah Melayu "Tak kenal maka tak cinta — Tanpa mengenal, anda tidak akan cinta."

Seterusnya perwakilan PAS dan Gereja turut bertukar hadiah. Dokumen Persaudaraan Manusia untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama juga telah diedarkan kepada para hadirin.

Turu hadir dalam majlis ini ialah para klerus dari Dekaneri Pulau Pinang yang diketuai oleh Msgr Jude Miranda, Fr Aloysius Tan, Fr Michael Raymond, OFM Cap, dan para Friar Fransiskan iaitu Friar Oliver Tham, Esmond Chua, Crispus Mosinoh dan Cosmas Francis.

Pameran 120 tahun sejarah HRC

KUALA LUMPUR: Gereja Holy Rosary (HRC) Kuala Lumpur telah dibina pada tahun 1903 oleh seorang misionari Perancis, Fr Emile Terrien.

Merayakan ulang tahunnya yang ke-120, HRC telah menganjurkan pameran yang mempamerkan tinggalan sejarahnya yang penting.

Antara yang menarik dalam pameran ini ialah fakta perjalanan HRC dari tahun ke tahun, dan Pokok Keluarga HRC yang mempunyai elemen interaktif khas.

Pohon Keluarga HRC ini adalah untuk mengingatkan pengunjung dan umat Paroki bahawa kita harus bersatu di bawah naungan Pohon yang kukuh serta luas itu ialah Yesus Tuhan, Juruselamat kita.

Setiap pengunjung dapat menulis dan menyematkan nama mereka dan keluarga mereka pada Pohon itu sebagai tanda mereka berjalan bersama sebagai umat Tuhan.



Para pengunjung sedang menulis nama mereka untuk disematkan pada Pohon Keluarga HRC.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Mengapa ada Misa Kudus pembukaan

Pertama, perlu diperjelas dan diketahui apakah itu kebijakan atau polisi paroki, tepatnya paderi paroki setempat boleh membuat kebijakan umum.

Jika Misa Kudus itu merupakan polisi pastoral paderi paroki setempat, maka ia adalah pertimbangan paderi paroki tersebut dan saya tidak mahu mengulas kerana bukan kewenangan saya mengulas setiap polisi pastoral setempat.

Tentu paderi paroki mempunyai alasan atau pertimbangan tertentu untuk wajib mengadakan Misa Kudus pembukaan atau sebaliknya.

Injil memberi pedoman cara bertindak, untuk terlebih dahulu membicarakannya dengan empat mata, kemudian mencari pandangan orang lain, sebelum dibawa ke ruang publik (Lih. Mat. 18:15-17).

Akan tetapi saya mahu menjelaskan perkara yang lebih dalam lagi selain apakah perlu sebuah kursus atau seminar diawali dengan Misa khusus?

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI beberapa kali mengungkapkan bahawa salah satu krisis besar yang sedang melanda Gereja masa ini ialah krisis evangelisasi.

Sedangkan ini adalah tugas yang diwariskan Yesus sebelum kenaikan-Nya ke Syurga, "Pergilah ke seluruh dunia, beritakanlah Injil kepada segala makhluk" (Mrk. 16:15).

Kesaksian itu juga diungkapkan dalam Injil Matius (lih. Mat. 28:18-20), menjadi saksi akan

Dia sampai ke hujung bumi (Lih. Kis. 1:7-8).

Pesan ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja apatah lagi ia pesan atau perintah terakhir Yesus.

Benediktus XVI kemudian menetapkan tahun 2012 sebagai Tahun Iman untuk mengingatkan kita bahawa iman itu tidak hanya dipeluk, didalami tetapi harus diwartakan, agar membuka pintu bangsa-bangsa kepada iman (Lih. Kis. 14:27).

Sri Paus Fransiskus mengungkapkan keprihatinan yang serupa. Semasa pertemuan para kardinal sebelum pemilihan Sri Paus (konklaf), Jorge Mario Bergoglio mengingatkan bahawa jika Gereja tidak keluar dari dirinya sendiri untuk mewartakan Injil, Gereja itu hanya akan menjadi berpusat pada dirinya sendiri dan kemudian menjadi sakit. Dan itu baginya adalah godaan roh jahat.

Surat ekshortasi apostolik Sri Paus Fransiskus, *Evangelii Gaudium* (2013), mengungkapkan hal tersebut secara jelas. Memetik kata Yohanes Paulus II bahawa kegiatan misionari masa ini adalah cabaran terbesar yang dihadapi Gereja, dan tugas misionari tetap yang pertama dan terutama.

Kalau Gereja hendak memenuhi rancangan kehendak Ilahi, maka evangelisasi sebagai pewartaan dengan penuh kegembiraan, kesabaran dan dalam perkembangan tahapannya akan tindakan wafat dan kebangkitan Yesus Kristus, ia harus menjadi keutamaan.

Maka Santo itu menegaskan secara jelas bahawa identiti dan ciri dasar Gereja adalah misionari.

Gereja ada kerana diutus. Lebih baik melihat Gereja yang kotor dan lelah kerana keluar bertemu dengan umatnya, berada di jalanan dunia daripada sakit dan lesu kerana hanya berdiam diri serta tidak beranjak dari tempat nyamannya.

Pelbagai kursus evangelisasi, walau siapa pun yang menganjurkannya dan bagaimana ia dijalankan, hendaknya menjadi perhatian penting Gereja.

Kehadiran pelbagai kursus dan seminar penginjilan adalah amat digalakkan demi menggerakkan seluruh tubuh Gereja untuk terlibat menamakan kesedaran akan pewartaan Injil dan mewujudkannya dalam tindakan dan perkataan kita.

Jika sesebuah kursus mempunyai Misa Kudus pembukaan, janganlah ditolak atau dianggap tidak penting. Ia sangat dianjurkan kerana Misa Kudus mempunyai banyak rahmat misalnya ia memberi rangsangan dan dorongan padu bagi umat untuk keluar menginjil.

Maka, lebih baik kita menumpukan persoalan: Mengapa semangat evangelisasi kurang bertumbuh sedangkan evangelisasi adalah misi utama Gereja, sebagaimana diperintahkan oleh Yesus sendiri? — *Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ, Teolog, Jawa Tengah,*

Sahabat kecil Yesus



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

sepakat
cukai
saksi
keterangan
nasihat



c v b c u k a i j k m l
d f s a k s i v r e w k
o i b n a s i h a t r f
b d h m q s a x z u i
k e t e r a n g a n c l
u p b q d s r t x c v
r h s e p a k a t m j y

Hello adik-adik,

Apa khabar? Antie yakin bahawa adik-adik selalu mendengar nasihat dari-pada ibu bapa atau guru-guru di sekolah bukan?

Dan kita tahu, kanak-kanak atau murid yang selalu mendengar nasihat selalu beroleh kejayaan.

Adik-adik, Injil pada hari ini juga menyatakan tentang teguran atau nasihat.

Bukan semua orang dapat menerima teguran. Ada yang berasa marah atau bersikap acuh tak acuh apabila ditegur oleh orang yang lebih tua.

Teguran yang baik boleh membantu kita menjadi peribadi yang lebih mulia dan dihormati.

Apabila kita menegur kesalahan rakan kita, janganlah kita menegur dengan kasar atau som-bong. Ingatlah bahawa kita juga manusia biasa. Tegurlah rakan kita, misalnya yang malas ke sekolah minggu atau yang lebih suka berbual se-masa Misa Kudus, dengan hormat. Jika mereka tidak mendengar, berita-hu orang yang lebih tua untuk membantu kita.

"Sesiapa yang Ku-Kasihi, Dia Ku tegur dan Ku ajar" (Wahyu 3:19).

Salam sayang
Antie Melly



Doa Santo Francis dari Assisi



Doa Sto Francis dari Assisi adalah doa terkenal untuk perdamaian. Bongkar simbol-simbol pada doa ini untuk membaca doa ini dengan lengkap.

- ☼☼ = kerukunan
- ☼☼ = sukacita
- ☺☺ = harapan
- ☺☺ = terang
- ☹☹ = cinta kasih
- ☹☹ = kepastian
- ☯☯ = kebenaran
- ☯☯ = harapan
- ☼☼ = pengampunan

LENGGAPKAN PETIKAN INJIL DI BAWAH:



Jika dua orang dari padamu di dunia ini meminta apapun juga, itu akan oleh Bapa-Ku yang di

Mat:18:19

dikabulkan
sepakat
syurga
permintaan

Mari
Mewarna



Di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam Nama-Ku, di situ Aku ada di tengah-tengah mereka. (Mat 18:20)

- Bila terjadi kebencian, jadikanlah aku pembawa ☹☹.
- Bila terjadi penghinaan, jadikanlah aku pembawa ☼☼.
- Bila terjadi perselisihan, jadikanlah aku pembawa ☼☼.
- Bila terjadi kesesatan, jadikanlah aku pembawa ☯☯.
- Bila terjadi kebimbangan, jadikanlah aku pembawa ☹☹.
- Bila terjadi keputus-asaan, jadikanlah aku pembawa ☺☺.
- Bila terjadi kegelapan, jadikanlah aku pembawa ☼☼.
- Bila terjadi kesedihan, jadikanlah aku pembawa ☹☹.

BELIA MILENIUM



PBK-14, SERUAN UNTUK BANGKIT DAN BERGEGAS MEWARTAKAN

LIMBAHAU, Papar: “Mengapa kamu semua berada di sini? Apa yang mendorong kamu untuk datang menghadiri Pesta Belia Keuskupan ke-14?” dua soalan ini diajukan oleh Uskup Agung John Wong semasa Misa Kudus pembukaan Pesta Belia Keuskupan Agung Kota Kinabalu (PBK-14) pada Ogos 28, di Paroki Holy Rosary Limbahau.

Uskup Agung John membantu 885 peserta PBK-14 untuk menjawab soalan-soalan tersebut dengan menghayati tema PBK-14, “Maria Bangkit dan Bergegas Pergi” (Lukas 1:39).

“Mungkin untuk menjawab soalan-soalan ini kita harus merenung apa yang menyebabkan Maria terus bangkit atau apa yang menyebabkan Maria bergegas pergi?”

Jelas Uskup Agung John, “Sebelum Maria bangkit dan bergegas pergi, Maria telah bertemu dengan malaikat yang mengumumkan Khabar Gembira kepadanya bahawa dia akan mengandung di bawah naungan Roh Kudus.”

“Melalui Roh Kudus inilah, Maria terus bangkit dan bergegas untuk mewartakan Khabar Gembira.”

Oleh itu, prelatus itu yakin bahawa para peserta PBK didorong oleh Roh Kudus untuk berada di Holy Rosary Limbahau, bukannya di tempat lain.



Misa Kudus pembukaan PBK-14 dimulakan perarakan para paderi yang didahului dengan tarian sumazau.

“Seperti Bonda Maria, bukannya hati kamu untuk merasai dan mengalami Yesus yang mahu tinggal di dalam hati kamu. Semoga sepanjang PBK ini, anda meneladani Bonda Maria yang membenarkan Roh Kudus tinggal dalam hatinya. Melalui perlindungan dan bimbingan Roh Kudus inilah yang akan mendorong kalian untuk bangkit dan bergegas untuk menyebarkan Khabar Gembira,” kata Uskup Agung John.

Memetik pembacaan Kitab Suci pertama pada hari itu yang juga merupakan Pesta Santo Agustinus, Uskup dan Pujangga Gereja bahawa Tuhan telah

memilih mereka sebab Injil yang diwartakan bukan dalam kata-kata melainkan juga dalam kekuatan dalam Roh Kudus dan kepastian yang kukuh (1 Tes 4-5).

Sepanjang homilinya, Bapa Uskup Agung juga menyeru tiga poin penting ini iaitu:

1. Harus berterima kasih selalu kepada Tuhan kerana Dia yang telah memanggil kita ke sini.
2. Injil menjemput semua kita agar kita melakukan apa yang kita terima dan percaya daripada Tuhan
3. Dan, Tuhan pada saat ini ada bersama kita!

Selepas Misa Kudus, diadakan sesi-sesi ucapan daripada Koordinator PBK-14, pembimbing rohani Komisi Belia Keuskupan Agung Kota Kinabalu iaitu Fr Isidore Gilbert dan Uskup Agung John Wong.

Ini disusuli dengan perarakan masuk para ketua kontinjen belia dari 22 paroki yang membawa banting masing-masing dan Uskup Agung John Wong memukul gong sebanyak 14 kali sebagai tanda bermulanya PBK-14.

Di tengah-tengah ratusan peserta PBK-14, lima orang belia dari Brunei Darussalam juga hadir untuk meraikan iman bersama belia tempatan.

KBK6 di Membakut, Yesus memanggil belia untuk berjalan bersama

MEMBAKUT: Meskipun hanya berbekalkan tenaga cahaya dari gense kerana sumber tenaga elektrik utama terputus, ia tidak menghalang bagi para belia dari seluruh Keuskupan Keningau untuk meneruskan aktiviti Khemah Belia Keuskupan Keningau kali keenam (KBK6) untuk merayakan Misa Kudus pembukaan pada Ogos 27 lalu.

Selama lima hari, seramai 803 peserta KBK-6, ‘berkhemah’ di St Patrick Membakut bagi menyertai program belia terbesar di Keuskupan Keningau yang bertema “Maria bangkit dan bergegas pergi” (Lukas 1:39). KBK6 turut dihadiri oleh ramai paderi dan religius sebagai pendamping iman kepada para peserta.

Perayaan Ekaristi pembukaan dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong dan homili disampaikan oleh Msgr Gilbert Lasius.

Dalam homilinya, Msgr Gilbert mengakui belia Katolik sekarang menghadapi krisis kepercayaan kepada Yesus kerana pelbagai cabaran yang dihadapi mereka.

Namun paderi itu berharap, melalui KBK6 ini para belia berpeluang untuk mengenali Yesus lebih dekat lagi dan menjalin persahabatan dengan sesama belia Katolik, agar mereka teguh dalam iman dan berupaya menangkis godaan iman.

● *berita selanjutnya pada keluaran akan datang.*



KBK6 menawarkan pembaharuan persahabatan dengan Yesus dan sesama.

Adorasi Ekaristi pendorong pelayanan untuk orang miskin

KOTA VATICAN: Sri Paus Fransiskus memberi galakan kepada para Sister Murid Yesus dalam Ekaristi untuk menjadi “*vasa Domini*”, ‘menyambut piala’, berlutut di hadapan Tabernakel dan dengan tangan sentiasa terbuka kepada saudara dan saudari anda.” Para Sister Murid Yesus melakukan ziarah sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-100. Kongregasi ini ditubuhkan pada bulan Oktober 1923, oleh Uskup Raffaello Delle Nocche dan dua orang wanita muda, Linda Machina dan Silvia Di Somma.



Para Sister Murid Yesus dalam Ekaristi teruja menyapa Sangti Papa.

Pelayan miskin dari orang miskin
Mengimbas kembali asas kumpulan

itu, Bapa Suci berkata, “Roh Kudus mengilhami tindakan mereka melai-

lui panggilan konkrit dan mendesak dari sebuah Gereja tempatan: iaitu

Tricarico, Luciana, di selatan Itali, yang telah menderita selama bertahun-tahun tanpa paderi dan pada tahun 1923, ketika masih menanggung kesan Perang Dunia Pertama, penduduk dilanda pula wabak yang dipanggil selesema “Sepanyol”.

Tanpa adanya religius lelaki atau wanita di keuskupannya, Uskup Delle Nocche tidak dapat membantu orang-orang yang miskin dan menderita.

Demikianlah tertubuhnya kongregasi para Sister Murid Yesus dalam Ekaristi yang melayani orang-orang miskin dan menolong kaum miskin dengan membantu mereka meningkatkan kualiti hidup.

Cinta, persatuan, dan amal

Sri Paus menyatakan bahawa cinta, kesatuan, dan amal untuk melayani dengan kelembutan dan penuh kesedaran, bermula dengan berlutut di hadapan Yesus dalam Sakramen Mahakudus, dan tinggal bersama komuniti itu.”

Di mata dunia, menghabiskan waktu dalam Adorasi Ekaristi mungkin kelihatan tidak masuk akal namun, rahmat Adorasi Ekaristi “menghasilkan kekuatan yang menular, yang segera menuntun para Sister ini untuk melakukan dan mempromosikan karya-karya penebusan Tuhan. — *media Vatikan*

Bapa Suci mohon jurnalis komunikasikan sinode

VATICAN: Sri Paus Fransiskus terpilih sebagai penerima penghargaan berprestij Itali, “*E’ Giornalismo*” 2023. “*E’ Giornalismo* yang didirikan pada tahun 1995 oleh sekumpulan jurnalis terkenal Itali, diberikan kepada tokoh-tokoh media, jurnalis dan TV Itali yang berpengaruh.

Dalam ucapannya kepada delegasi yang menganugerahkan penghargaan kepadanya pada Ogos 26, Sri Paus Fransiskus mengatakan bahawa meskipun beliau selalu menolak untuk diberikan penghargaan tetapi kali ini, Sri Paus memilih untuk menerima award itu untuk menekan “keperluan mendesak komunikasi konstruktif, yang memupuk budaya perjumpaan, bukan konfrontasi; budaya damai dan bukan perang; budaya keterbukaan terhadap orang lain dan bukan prasangka.”

Bapa Suci juga mengatakan, “Pada masa semua orang mengulas

segala hal padahal faktanya masih belum lengkap. Penting bagi kita memupuk budaya realiti dan fakta.”

Maklumat palsu adalah salah satu dosa jurnalisme. Empat ‘kesalahan’ jurnalisme ialah: “jurnalis tidak memberikan maklumat lengkap atau sengaja memberikan maklumat palsu; fitnah; mencemarkan nama baik yang boleh membina maruah orang lain; dan yang keempat adalah *coprophilia*, iaitu cinta akan skandal atau mengaut keuntungan dengan kisah-kisah skandal.”

Untuk memerangi maklumat palsu, mereka yang bekerja di bidang komunikasi perlu menyebarkan budaya perjumpaan, budaya dialog dan budaya mendengarkan orang lain.

Bapa Suci memperingatkan adanya risiko yang tersirat dalam budaya digital, yang menurutnya

telah memberi kita begitu banyak kemungkinan baharu namun berisiko mengubah komunikasi menjadi sekadar slogan.

Tidak mempengaruhi awam dengan berita palsu

Komunikasi yang benar, kata Bapa Suci selalu berdasarkan pada pemberian fakta dari kedua-dua belah pihak.

Uskup Roma itu turut menyatakan keprihatinannya terhadap “manipulasi yang dilakukan oleh mereka yang dengan sengaja menyebarkan berita palsu untuk mengalihkan pandangan atau meraih pendapat orang awam.”

Melaporkan Sinode

Bapa Suci teruja menantikan Sinode Sinodaliti yang bakal berlangsung pada Oktober, dan menyeru para jurnalis untuk membantu



Sri Paus Fransiskus dan delegasi “E’ Giornalismo”

Gereja “menemukan atau menghayati Sinode Sinodaliti.” Dalam masa sebulan, para uskup dan umat awam dari seluruh dunia akan bertemu di Roma untuk Sinode tentang Sinodaliti: mendengarkan bersama,

mencermati bersama, berdoa bersama,” jelasnya, seraya mencatat bahawa kata ‘bersama’ sangatlah penting khususnya budaya acuh tak acuh yang semakin meluas pada masa ini. — *media Vatikan*

Para uskup India desak lindungi penganut agama minoriti

MANIPUR, India: Para uskup dari Gereja Ritus Timur Siro-Malabar mendesak umat Katolik untuk membantu membangun kembali kehidupan masyarakat yang hancur di Manipur, sebuah negeri di timur laut India yang dilanda konflik.

Seramai 54 uskup hadir dalam sinode yang diadakan pada penghujung bulan Ogos lalu.

Mereka mengungkapkan rasa kebimbangan atas kekerasan yang belum pernah terjadi sebelumnya di Manipur, telah meragut lebih 170 nyawa.

Kardinal George Alencherry, kepala Gereja, dalam surat edaran pasca-sinode, mendesak pemerintah persekutuan dan parti kerajaan, Bharatiya Janata (BJP) pro-Hindu untuk “mengambil langkah serius bagi memulihkan perdamaian di Manipur.”

Prelatus itu mengatakan, “Adalah tugas perlembagaan pemerintah untuk menjamin keselamatan dan keamanan kehidupan dan harta benda setiap penduduk yang war-



Para religius mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan menentang keganasan terhadap minoriti Kristian. Gambar: Ucanews.com.

ganegara di negeri yang dilanda konflik ini.”

Manipur menyaksikan keganasan yang belum pernah terjadi sebelumnya.

Sejak Mei 3, ia telah menyebabkan lebih 50,000 orang menjadipelarian sebahagian besarnya merupakan penganut Kristian dari suku Kuki.

Gerombolan ganas yang mengancam membakar ribuan rumah milik penganut Kristian, selain Gereja dan institusi lain mereka.

Para uskup menjelaskan

kekerasan di Manipur sebagai “luka mendalam di tengah-tengah India yang sekular” dan mengungkapkan keprihatinan mereka atas meningkatnya insiden penganiayaan terhadap umat Kristian di wilayah lain di negara tersebut.

“Saudara-saudari kita di Manipur berada dalam kesakitan dan kesusahan yang mendalam dan menjadi tanggungjawab moral kita untuk berkongsi solidariti kita dengan mereka,” kata para uskup dalam surat edaran pasca-sinode tersebut. — *ucanews.com*

Bapa Suci ke Mongolia sebagai saudara kepada semua

MONGOLIA: Paus Fransiskus telah menyuarakan kebahagiaannya mengunjungi Mongolia yang majortinya beragama Buddha mulai September 1 lalu.

“Kunjungan itu menawarkan kesempatan “untuk merangkul Gereja yang jumlahnya kecil namun mereka bersemangat dalam iman dan besar dalam kasih,” kata Sri Paus semasa memimpin Doa Angelus, di Dataran Sto Petrus, Ogos 27.

Bapa Suci, mengatakan dia berharap dapat bertemu dengan “orang-orang yang mulia, bijaksana dengan

tradisi keagamaan yang kuat” di negara Asia yang luas yang terletak di antara China dan Rusia.

Di Mongolia, Sri Paus bertemu dengan para pemimpin politik menyampaikan ucapan di depan perwakilan Gereja dan menyertai program dialog antara agama.

Komuniti Katolik Mongolia — bekas negara satelit Soviet yang menggunakan sistem berbilang parti pada 1992 — adalah antara populasi terkecil iaitu tiga juta penduduk dan penganut Kristian pula tidak sampai 1,500 orang. — *media Vatikan*



Beberapa umat Katolik Mongolia sedang berdoa di Katedral Sto Petrus dan Paulus, Ulaanbaatar.

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Menurut kamu, siapakah Yesus itu?

VATIKAN: Mengambil petikan dari Injil Matius di mana Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya, "Kata orang, siapakah Anak Manusia itu?" (Mat 16:13-20), Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa soalan itu adalah ditujukan kepada diri kita sendiri.

Berucap kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto. Petrus untuk doa Angelus, Sri Paus menyatakan bahawa secara umumnya Yesus dilihat sebagai "seorang guru yang hebat, seorang yang istimewa: baik, benar, konsisten, berani..."

Tetapi, ini tidak mencukupi untuk Yesus. Dia bukan sahaja sekadar agen sejarah atau seorang nabi yang kelihatan jauh tetapi sebenarnya Tuhan ada di sini, berada di tengah-tengah kita, Dia hadir bersama kita ini, Dia adalah Tuhan yang dekat dengan kita!

Bapa Suci seterusnya menjelaskan bahawa Kristus bukanlah kenangan masa lalu, tetapi Tuhan masa kini.

Kristus adalah Tuhan masa kini.

Yesus, masih hidup dan menyertai kita. "Dia ada di sisi kita, Dia menawarkan kepada kita Firman dan rahmat-Nya, yang menerangi dan menyegarkan kita dalam perjalanan hidup kita dan kita tidak pernah bersendirian, seru Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci meyakinkan umat bahawa mereka tidak pernah bersendirian dalam meniti kehidupan di dunia ini.

Tegasnya, Kristus sentiasa bersama kita dan membantu kita dalam perjalanan kita, seperti yang dia lakukan terhadap Petrus dan murid-murid yang lain.



Sri Paus Fransiskus berbual dan menyapa beberapa putera dan puteri altar di Vatikan. Gambar ilustrasi/media Vatikan.

Sangti Papa kemudiannya menerangkan tentang Petrus, dalam Injil hari itu, sangat memahami hal ini dan dengan kasih yang mendalam terhadap Yesus, Dia mengiktiraf Yesus "Kristus, Anak Tuhan yang hidup", bukan watak dari masa lalu, tetapi Kristus, iaitu Mesias, "Anak Tuhan yang hidup, menjadikan manusia dan datang untuk berkongsi kegembiraan dan kerja keras dalam perjalanan kita."

Tiada yang mustahil dengan Yesus di sisi kita

Sri Paus Fransiskus berkata bahawa jika kadang-kadang "puncak kehidupan Kristian kelihatan terlalu tinggi dan jalan-

nya terlalu curam," lihatlah kepada Yesus yang berjalan di samping kita, menyambut dan mengenali kelemahan kita, berkongsi usaha kita dan meletakkan lengan-Nya yang teguh dan lembut di atas bahu kita yang lemah.

"Dengan Dia yang dekat, marilah kita juga menjangkau satu sama lain dan memperbaharui kepercayaan kita," ujar Sri Paus seraya mengajak umat Kristian untuk memperbaharui kepercayaan mereka terhadap Tuhan melalui Firman dan Sakramen, dan membenarkan diri mereka dibimbing oleh-Nya bersama-sama dengan saudara-saudara mereka, dalam masyarakat. — *media Katolik*

Santapan untuk rohani kita

Meditasi bantu usir fikiran jahat

Meditasi adalah sebuah praktik spiritual yang bertujuan mencapai kedamaian, kesedaran diri, dan kebahagiaan. Salah satu bentuk meditasi adalah doa sebagai meditasi.

Doa sebagai meditasi melibatkan aktiviti memusatkan fikiran dan hati pada Tuhan, Sang Pencipta, atau objek spiritual lainnya. Melalui doa, seseorang dapat merenungkan tentang sifat-sifat Tuhan, meminta bimbingan dan perlindungan, atau memohon pengampunan dosa-dosa.

Meditasi bukan meminta atau memohon

Dalam doa sebagai meditasi, tujuan utamanya adalah bukan meminta atau memohon, melainkan mengalami kedekatan dengan Tuhan melalui ketenangan dan keheningan. Dalam kondisi meditasi, seseorang fokus pada hadirat Tuhan dan membiarkan fikiran bekerja secara alami.

Carilah tempat yang tenang dan nyaman untuk duduk. Setelah itu, mulailah dengan bernafas secara perlahan dan dalam, dan fokuskan perhatian pada doa atau mantra yang dipilih.

Jangan biarkan fikiran terganggu oleh kekhuatiran lain tetapi biarkan fikiran tetap terfokus pada doa atau mantra selama beberapa menit. Ulangi proses ini setiap hari selama beberapa menit.



Meditasi memberi banyak manfaat kesihatan fizikal dan mental.

Dalam praktik doa sebagai meditasi, seseorang tidak perlu menjadi ahli dalam meditasi atau memiliki pengetahuan tentang teologi yang mendalam. Yang diperlukan hanyalah kepercayaan dan keyakinan pada Tuhan serta kemahuan untuk merenungkan-Nya dengan fikiran dan hati yang terbuka.

Secara ringkasnya, menurut mereka yang mempraktikkan meditasi dalam doa, ia memberikan manfaat kesihatan

fizikal dan mental, serta membantu seseorang merasa lebih dekat dengan Tuhan.

Melibatkan fikiran, imaginasi, emosi dan hasrat

Dengan mengalami ketenangan dan keselesaan dalam doa, seseorang dapat memperdalam hubungan spiritual dengan-Nya. Melibatkan fikiran, imaginasi, emosi dan hasrat

Fr Peter John Cameron OP dalam tulisannya "*Prayer as meditation*" menjelaskan tentang, apakah manusia sedang mencari cara untuk berdoa yang "menerangi fikiran, semakin memahami, mengisi hati dengan sukacita, menenangkan amarah, menghilangkan kemarahan, mengusir kepahitan dan fikiran jahat, melenyapkan sifat lekas marah, mengusir kemalasan, dan mencairkan fikiran kita?"

Fikiran jahat? Bolehkah ia dibantu dengan doa dalam meditasi? St. Yesaya sang Pertapa abad ke-5 menjelaskan, "Meditasi adalah cermin bagi fikiran dan cahaya bagi hati nurani. Darinya mengalir kelembutan yang menghangatkan dan meluluhkan jiwa."

Meditasi adalah cara di mana fikiran kita melakukan kontak dengan hati Tuhan. Dan kontak itu memberikan penghiburan dan kekuatan bagi hati kita sendiri. — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Kudus dan sukacita

Bila bercakap tentang kekudusan, kita sering tergoda berfikir bahawa kekudusan hanya untuk mereka yang dapat mengundurkan diri dari urusan duniawi, menghabiskan banyak waktu dalam doa.

Melihat seseorang yang rajin berdoa dan tidak pernah gagal ke Gereja, kita mudah melabelkan orang itu sebagai kudus!

Malah, tidak kurang juga dengan suara-suara nakal yang mengatakan, "Eh! Tak naklah join gerakan doa ni, takut terlebih *holy* (kudus)..." Atau, "Cukuplah ke Gereja setiap hari Minggu, nanti terlebih kudus!"

Sebenarnya, kekudusan dimulai dengan mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama (Mat 22:37-39; Mrk 12:30).

Kita dapat memulainya dari hal-hal sederhana, misalnya dengan mengucapkan doa-doa yang pendek di dalam hati, dengan menyapa terlebih dahulu orang yang tidak bersahabat dengan kita, dengan memberi perhatian kepada orang-orang yang lemah, dan seterusnya. Dan motivasi kita melakukannya adalah kerana kita mengasihi Kristus yang ada dalam diri mereka.

Langkah awal untuk mengasihi Tuhan dengan tulus adalah dengan bertobat. Ertinya, kita meninggalkan dosa (pertobatan) dan segala kebiasaan yang negatif untuk hidup sebagai manusia baharu di dalam Roh Kudus dan dalam rasa hormat kepada Tuhan (2 Kor 7:1).

Pertobatan ini tidak hanya sekali, tetapi dilakukan sesering yang mungkin dalam hidup kita.

Sebagai manusia biasa yang sering jatuh dalam dosa, kita perlu memeriksa batin setiap hari, dan jika kita jatuh ke dalam dosa, apalagi dosa berat, kita segera mengaku dosa dalam sakramen Tobat. Pertobatan yang tulus dan terus menerus ini mensyaratkan kerendahan hati, dan itulah salah satu sebabnya, mengapa kerendahan hati penting untuk kekudusan.

Dahulu, saya pernah menyangka untuk menjalani hidup kudus, maka saya perlu lebih berdoa dan meluangkan waktu yang lama di Gereja. Tetapi saya dapati, dengan melebihi masa di Gereja, saya telah menyebabkan rakan-rakan sekerja menanggung beban pekerjaan yang saya tinggalkan sementara.

Hati saya tidak tenang apabila banyak kerja yang tertangguh dan pada masa yang sama, saya mahu mencapai status 'kudus'.

Sri Paus Fransiskus dalam Ekshortasi Apostolik ketiganya, *Gaudete et Exsultate* (Bersukacita dan Bergembiralah) menjelaskan bertumbuh dalam kekudusan harus dilakukan dengan status panggilan hidup kita. Pertumbuhan kasih kepada Tuhan tidak boleh mengganggu tanggungjawab kita. Jadi menurut penjelasan Sri Paus Fransiskus, adalah tidaklah tepat, jika seorang yang bekerja di pejabat menghabiskan waktu berdoa terlalu lama di Gereja, sehingga datang lambat ke tempat kerja. Atau seorang ibu meninggalkan anak-anak yang masih kecil di rumah bagi menghabiskan waktu seharian di Gereja.

Semoga kita dapat memahami dan menuju kekudusan secara bertahap dan bermula dari langkah-langkah kecil misalnya berdoa, berkorban dan melayani orang lain.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Bersekutu bertambah mutu

KUALA LUMPUR: “Kita umat Kristian Malaysia mesti bersatu dengan sesama rakyat Malaysia yang berfikir untuk bekerja lebih keras bagi meredakan suara-suara yang cuba memisahkan kita,” demikian seruan Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) sempena menyambut ulang tahun ke-66 Hari Merdeka pada Ogos 31 dan ulang tahun ke-60 pembentukan Malaysia pada September 16.

Melalui kenyataan rasminya bertarikh Ogos 30, CFM yang mewakili komuniti Kristian dari wilayah Sarawak, Sabah dan Semenanjung, terus berdoa kepada Tuhan dalam memohon rahmat-Nya ke atas negara tercinta ini.

Laungan “Merdeka” lawan suara perpecahan

Ditandatangani oleh empat orang ahli tertingginya iaitu Cor Episcopa Philip Thomas (Pengerusi), Uskup Agung Dr. Simon Poh Hoon Seng (Naib Pengerusi), Bishop Datuk Danald Jute (Naib Pengerusi) dan Revd. Dr. Eu Hong Seng (Naib Pengerusi), mengimbas kembali sejarah di mana laungan “Merdeka” begitu menggembirakan bagi sebuah negara muda yang sedang menantikan masa depan yang cerah.

CFM kesal kerana pada hari ini, perpaduan negara di negara kita yang tercinta berada dalam keadaan yang sangat rapuh kerana banyak suara perpecahan yang tidak henti-henti menyuarakan kaum dan agama, kembali lantang kedengaran pada Pilihan Raya Umum 2022 dan pilihan raya negeri baru-baru.

“Corak pengundian seolah-olah menunjukkan mereka cenderung berpegang pada suara-suara yang memecah belah. Terdapat suara-suara yang cuba mentafsir semula Perlembagaan Persekutuan kita yang telah lama dipegang suci dipergunakan sebagai sentimen pemisahan kaum dan agama,” ujar CFM.

Perlembagaan Persekutuan adalah asas demokrasi berperlembagaan Malaysia dan melalui setiap rakyat Malaysia menikmati kebebasan dan kehidupan yang bermakna dengan maruah dalam keamanan, keharmonian dan kemakmuran.

Di samping Perlembagaan Persekutuan kita, Malaysia berusaha untuk membina sebuah Malaysia yang bersatu padu melalui



Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, CFM menyeru para pemimpin negara agar memperhebat pemikiran dan menyatupadukan rakyat.

Rukun Negara yang menjadi panduan utama perpaduan negara dan wawasan Malaysia untuk semua dengan memupuk benih perpaduan dan jalinan di kalangan semua rakyat Malaysia.

Objektif murni Rukun Negara

Rukun Negara yang diisytiharkan secara rasmi oleh Seri Paduka Baginda Tuanku Ismail Nasiruddin Shah, Yang di-Pertuan Agong keempat pada 31 Ogos 1970, bangkit dan terbentuk daripada debu-debu pertembungan kaum 13 Mei 1969 yang meletakkan keharmonian, keamanan dan kemakmuran Malaysia dalam bahaya.

CFM mengingatkan semula objektif murni yang menyeluruh dan lima prinsip utama Rukun Negara.

Objektif Rukun Negara adalah:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat,
- Memelihara satu cara hidup demokratik,
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama,
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Lima prinsip Rukun Negara adalah seperti

berikut:

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

Untuk meningkatkan perpaduan nasional berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, kita memerlukan pemimpin negara dan masyarakat yang baik untuk menjadi contoh masyarakat yang merangkumi semua dan mengukuhkan perpaduan sosial di semua masyarakat.

Dalam mengejar Malaysia yang bersatu, kita memerlukan semua pemimpin kerajaan kita, wakil negeri dan negara yang dipilih dan pemimpin masyarakat dan agama untuk memberi tumpuan kepada kebaikan dan kesejahteraan setiap rakyat Malaysia dalam setiap lapisan ekonomi, di kawasan bandar dan pedalaman. Tiada siapa yang diabaikan.

Kelab Rukun Negara

CFM menggesa pemimpin politik di negara ini untuk bekerjasama dalam perpaduan dan kekuatan untuk mencapai banyak kejayaan untuk rakyat Malaysia. Satu permulaan sedemikian ialah dasar penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah kita, kerajaan mahupun swasta, untuk menyemai benih perpaduan di kalangan anak-anak kecil kita. Semoga guru-guru kita menjadi ikon perpaduan negara di kalangan anak-anak kita.

Kita perlu pembina negara

CFM juga mengingati nasihat bijaksana Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja kita yang telah banyak kali menggesa pemimpin politik kita untuk memperhebatkan pemikiran dan usaha mereka dalam menyatupadukan rakyat Malaysia, meringankan keperluan harian rakyat yang terdesak dan bekerjasama untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

“Pada musim ini kita memerlukan pembina negara, BUKAN pemimpin yang memecahbelahkan dengan retorik kaum dan agama untuk kepentingan diri mereka,” ujar CFM.

“Kita berdoa agar kita mempunyai pemimpin yang baik seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman pada masa lalu untuk memimpin Malaysia tercinta ke tahap yang lebih tinggi dan bukan ke dalam tong ketaksuban, permissahan sosial dan perpecahan,” demikian harapan CFM.

Pada akhir kenyataan itu, CFM berdoa kepada Tuhan untuk melimpahkan kebijaksanaan, kekuatan, keberanian moral dan kesihatan yang baik kepada Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja, Gabenor, Perdana Menteri dan anggota Kabinet, Premier, Ketua Menteri, Menteri Besar dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan semua ahli Parlimen, Wilayah dan Dewan Undangan Negeri, agar mereka terus gigih berkhidmat untuk rakyat.

Lektor: Peribadi yang mencintai firman Tuhan

SANDAKAN: Lektor yang baik ialah orang yang melatih dirinya, memahami sepenuhnya Firman Tuhan, terbuka untuk menerima bimbingan dan pada masa yang sama, mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti pewarta, kata Fr Simon Kuntou, Paderi Paroki Katedral St Mary kepada 100 peserta yang menyertai Taklimat untuk para Lektor di Katedral St Mary pada Ogos 26 lalu.

Para pewarta baharu dan lama ini data-

ngnya dari Katedral St Mary, Gereja St Joseph, Gereja St Mark dan Chapel St Peter, Sg Manila.

Beliau berkata bahawa Jawatankuasa Liturgi Paroki secara langsung di bawah bidang kuasa Paderi Paroki dan para Lektor adalah individu yang dipanggil untukewartakan Firman Tuhan. Ia adalah pelayanan penting dalam gereja kerana apabila seorang Lektorewartakan Firman Tuhan,

dia membawa Yesus hadir. Seorang lektor menjadi juru bicara Tuhan, kerana Tuhan meminjam suara lektor untuk bercakap kepada umat-Nya.

Fr Simon juga mengingatkan para Lektor bahawa mereka bukan mengisytiharkan diri sendiri tetapi untuk memuliakan Tuhan.

Tidak semua orang boleh menjadi Lektor, contohnya, pembaca berita tidak semestinya seorang Lektor yang baik tetapi bukan pembaca berita boleh menjadi Lektor yang lebih baik.

Pembentukan untuk para Lektor tidak dapat dipisahkan dari Kitab Suci, pembinaan rohani dan teknikal. Fr Simon menjelaskan bahawa Firman Tuhan bukan sahaja mengenai apa yang berlaku pada masa lalu tetapi juga mencerminkan dengan jelas kehidupan kita hari ini. Rencana Keselamatan Tuhan bermula dalam Perjanjian Lama dan digenapi dalam Perjanjian Baru.

Oleh itu, bacaan Liturgi Firman diambil dari kedua-dua Perjanjian Lama dan Perjan-

jian Baru.

Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa Liturgi Firman Tuhan harus diperlakukan sama dengan Liturgi Ekaristi, oleh itu adalah penting bahawa orang ramai datang lebih awal untuk Misa Kudus, dan merenung ketika Tuhan berbicara kepada mereka melalui kitab suci dan kemudian menerima Ekaristi.

Oleh itu, bacaan Liturgi Firman diambil dari kedua-dua Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.

Paderi itu selanjutnya menjelaskan bahawa Liturgi Firman Tuhan harus diperlakukan sama dengan Liturgi Ekaristi, maka adalah penting bagi umat untuk datang awal ke Misa Kudus serta membuat renungan ketika Tuhan berbicara kepada mereka melalui pewartaan kitab suci dan kemudian menerima Ekaristi.

Selain para Lektor, komentator dan pemazmur juga diberikan pencerahan tentang peranan mereka semasa perayaan Ekaristi.



100 orang Lektor baharu dan lama menyertai taklimat yang disampaikan oleh Fr Simon Kuntou di Katedral St Mary, baru-baru ini.